

APM keluarkan mata kail tersangkut di lidah kucing

nm/18-4-17/31/5/D | DS-- Social

KANGAR 17 April - Tiada tugas yang dianggap remeh meskipun untuk menyelamatkan seekor kucing.

Begini yang berlaku terhadap sepasukan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri semalam, menerima panggilan untuk mengeluarkan sebentuk mata kail yang tersangkut pada lidah seekor kucing dewasa.

Kejadian berlaku pada pukul 7.29 pagi di Teluk Kacang, Bintong di sini apabila pemilik haiwan itu yang dikenali sebagai Bashirah mengesyaki sesuatu

berlaku pada kucingnya seperti seakan-akan tercekik.

Dia kemudian memeriksa mulut kucing itu dan terkejut mendapati terdapat sebentuk mata kail tersangkut pada lidah haiwan berkenaan.

Panik dengan keadaan tersebut, dia menghubungi APM untuk meminta bantuan.

Tidak berapa lama selepas itu, sepasukan empat anggota pasukan APM datang dan mengambil masa kira-kira 20 minit untuk memotong mata kail tersebut dengan menggunakan alat pemotong khas.



ANGGOTA APM negeri berusaha mengeluarkan mata kail yang tersangkut di lidah kucing di Teluk Kacang, Bintong, Kangar, Perlis, kelmarin.